

Pinjaman Dagangan Mata Wang Asing Helaian Pendedahan Produk

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	Alliance Bank Malaysia Berhad (“ABMB” atau “Bank”)
Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Pinjaman Dagangan Mata Wang Asing . Pastikan anda juga membaca terma dalam surat tawaran. Dapatkan penjelasan daripada Pengurus Perhubungan Bank / Pengurus Perniagaan Bank anda jika anda tidak memahami mananya bahagian dokumen ini atau terma am.	PINJAMAN DAGANGAN MATAWANG ASING
	Tarikh: _____
1. Apakah produk ini?	
Pinjaman Dagangan Mata Wang Asing menyediakan pembiayaan untuk pembelian barang anda dalam mata wang asing utama. Produk ini boleh didapati melalui Had Pinjaman Dagangan Mata Wang Asing yang diberikan kepada anda di bawah Kemudahan Kredit Pembiayaan Dagangan anda.	
2. Apakah yang saya peroleh daripada produk ini?	
<ul style="list-style-type: none"> • Amaun Pembiayaan : Pembiayaan adalah terhadap invois dan dokumen sokongan yang membuktikan penghantaran barang atas dasar akaun terbuka, kutipan atau surat kredit. • Margin Pembiayaan : 100% daripada nilai invois. • Kadar Faedah : Kadar Mata Wang Asing (FCR) + ____ % setiap tahun. • Tempoh : _____ hari 	
3. Apakah tanggungjawab saya?	
<ul style="list-style-type: none"> • Penyelesaian penuh apabila Pinjaman Dagangan Mata Wang Asing matang daripada jumlah prinsipal ditambah dengan faedah dari tarikh pembiayaan sehingga tarikh penyelesaian. • Pinjaman boleh dijelaskan dalam mata wang asing atau dalam Ringgit Malaysia. 	
4. Apakah fi dan caj yang saya perlu bayar?	
<ul style="list-style-type: none"> • Kadar Faedah: FCR + ____ % setahun. • Faedah akan terakru dan perlu dibayar apabila penyelesaian Pinjaman Dagangan Mata Wang Asing pada tarikh matang atau semasa penyelesaian separa sebelum matang. • Bayaran Pos RM10.00. 	
5. Bagaimanakah jika saya gagal menuaikkan tanggungjawab saya?	
<ul style="list-style-type: none"> • Kadar Faedah Tertunggak pada 3.50% di atas Kadar Mata Wang Asing (FCR) Bank. 	
6. Bagaimanakah jika saya melakukan penyelesaian penuh bagi Pinjaman Dagangan Mata Wang Asing ini sebelum tempoh matang?	
Anda boleh mengambil/meminta penyelesaian awal separa/penuh pada bila-bila masa semasa dalam tempoh Pinjaman Perdagangan Mata Wang Asing. Faedah akan dikenakan berdasarkan tempoh yang dibiayai sahaja. Walau bagaimanapun, sebarang kerugian pendanaan berkaitan iaitu pecah kos pembiayaan (break funding cost) yang ditanggung oleh Bank semasa pembiayaan (jika ada) adalah akan ditanggung oleh pelanggan. Pemecahan kos pembiayaan mungkin timbul apabila Bank menggunakan kadar mata wang asing tertentu pada hari pembiayaan Pinjaman Perdagangan Mata Wang Asing sehingga tarikh penyelesaian yang diluluskan. Jika pelanggan memutuskan untuk membuat penyelesaian awal, kadar mata wang asing mungkin berbeza pada tarikh penyelesaian awal. Dalam keadaan sedemikian, pelanggan akan menanggung kekurangan tersebut bersama-sama dengan sebarang kos tambahan dan perbelanjaan yang mungkin terlibat.	
7. Adakah saya perlukan perlindungan insurans/takaful?	
<ul style="list-style-type: none"> • Anda dinasihatkan untuk mengambil perlindungan insurans untuk barang di bawah Pinjaman Dagangan Mata Wang Asing ini pada kos perbelanjaan anda sendiri. 	
8. Apakah risiko utama?	

- Anda terdedah kepada risiko pertukaran asing, jika anda tidak mendapat hasil bayaran eksport.

9. Adakah saya perlu cagaran atau penjamin?

- Cagaran: Ya
- Penjamin: Tertakluk kepada budi bicara dan penilaian kredit oleh ABMB

10. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perhubungan saya?

- Adalah penting untuk anda memaklumkan kami mengenai apa-apa perubahan dalam butiran perhubungan anda bagi memastikan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

11. Di manakah saya boleh dapatkan bantuan dan penyelesaian?

- Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai kemudahan dan perkhidmatan pembiayaan perdagangan, anda boleh hubungi pengurus perhubungan perniagaan kami di pusat perbankan perniagaan atau rujuk kepada laman web kami di www.alliancebank.com.my. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**Alliance Bank Malaysia Berhad
Customer Care Unit
Level 7, Menara Multi-Purpose, Capital Square
No. 8 Jalan Munshi Abdullah
50100 Kuala Lumpur
Tel: +603 5624 3888 (Overseas) / 1-300-80-3388 (Malaysia)
Email: info@alliancebg.com.my**

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK), AKPK adalah sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturkan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

**Menara Bumiputra-commerce,
Tingkat 5 dan 6, Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur
Tel: 03-2616 7766
Email: enquiry@akpk.org.my**

- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi LINK atau TELELINK Bank Negara Malaysia di:

**Blok D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465
Faks: +603-21741515
E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my**

12. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

- Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan penjelasan lanjut, sila hubungi pengurus perhubungan perniagaan kami di pusat perbankan perniagaan.

13. Apakah pakej pinjaman/pembiayaan lain yang disediakan?

- Penerimaan Jurubank
- Resit Amanah
- Surat Kredit
- Bil Eksport Dibeli/Didiskaun
- Pembiayaan Semula Kredit Eksport

- Perundingan Eksport
- Nota Janji Hutang
- Jaminan Perkapalan
- Jaminan Bank
- Pembiayaan Penjual

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA GAGAL MEMENUHI TANGGUNGJAWAB ANDA

Maklumat yang diberikan dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada tarikh yang dinyatakan di sini atau sehingga _____ . Semua pengiraan dan maklumat di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

Penafian: Jumlah sebenar pembiayaan, tempoh dan kadar faedah yang disediakan oleh ABMB adalah bergantung pada penilaian kredit oleh ABMB. Penghantaran Helaian Pendedahan Produk kepada anda tidak mewujudkan apa-apa kewajipan oleh ABMB untuk menyediakan sebarang kemudahan kepada anda.